

PENGUMUMAN PENTING – 020/09/NEU10

13hb Julai 2010

Kepada Para Pengedar Yang Dihargai

**PER: AMARAN KERAS UNTUK PEMINDAHAN NAMA, AKAUN ATAU
PENGEDARAN BERGANDA**

SILA AMBIL PERHATIAN, setiap pemindahan yang melibatkan akaun & nama pengedar atau pengedaran berganda **TIDAK AKAN DILAYAN**.

Pihak Syarikat telah dimaklumkan bahawa ada pengedar telah menjual rangkaian mereka kepada pengedar lain disebabkan mereka telah menyertai MLM yang lain. Tindakan sebegini memang mempunyai niat untuk merosak dan menjahamkan rangkaian diantara sponsor dan rangkaian lain dan juga nama baik syarikat.

Oleh itu, Pihak Syarikat berharap para pengedar dapat menjauhi diri dari terjadinya punca ketidakpuasan hati, ketidakserasan dan konflik di antara pengedar-pengedar.

Sila rujuk **Peraturan 13** di Buku Panduan Perniagaan seperti yang dibawah:

13. Pengedaran berganda dilarang sepenuhnya. Untuk tujuan perjanjian ini, pengedar berganda termasuk tetapi tidak had kepada :
 - 13.1 akaun yang didaftarkan dalam nama-nama ahli keluarga terdekat pengedar dan/atau saudara-mara dan di mana akaun tidak mengeluarkan perjualan selama tempoh melebihi enam (6) bulan dari tarikh pendaftaran akaun tersebut;
 - 13.2 akaun yang didaftarkan dalam nama-nama rekaan;
 - 13.3 akaun yang didaftarkan dalam nama-nama rakan kongsi atau pengarah-pengarah dimana rakan perkongsian atau syarikat didaftarkan sebagai pengedar-pengedar menurut peraturan 2 disini.

Dan juga **peraturan 55** iaitu :

55. Pengedar dilarang semasa tempoh pengedarannya samada secara sendiri atau melalui subsidiari, syarikat berkait atau relevan atau melalui firma syarikat atau perbadanan korporat dimana dia ada sebarang minat kewangan, untuk memasuki kedalam, secara lansung atau tidak langsung, sebarang penyelesaian berkait (association arrangement) atau sebarang perjanjian dengan sebarang pemasaran pelbagai peringkat atau syarikat jualan langsung yang lain.

Pihak syarikat berharap anda semua dapat mematuhi peraturan yang ditetapkan dan berkerjasama mengekalkan kejayaan perniagaan yang ikhlas anda di Neumax Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
NEUMAX SDN. BHD.
PIHAK PENGURUSAN